

SELAK



HASSAN MOHD. NOOR

hasnor9961@gmail.com

Dewan Merdeka menanti rentak baharu PAU

SUHU politik negara masih tidak menentu. Hampir lima bulan selepas Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), cerita politik belum reda. Ia akan berlarutan untuk tempoh sekurang-kurangnya sehingga berlaku peralihan kuasa Perdana Menteri. Mungkin selepas peralihan itu, cerita politik belum menemui noktahnya. Entah sampai bila bicara mengenai politik. Diharapkan kekalutan politik ini tidak menjejaskan tumpuan serta perhatian terhadap rakyat yang telah membuat keputusan.

Ketika ini 'demam politik' terus melanda parti yang mewakili kerajaan atau pembangkang. Keadaan ini turut dipengaruhi oleh pemilihan dalaman parti yang menjadi tunjang kerajaan iaitu PKR. Begitu juga dengan perhimpunan parti termasuk Mukhtar Pas dan Perhimpunan Agung UMNO (PAU) serta beberapa siri pilihan raya kecil (PRK). Parti baharu juga mewarnai dunia politik tanah air dengan penubuhan Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra) dan Parti India Muslim Bersatu Malaysia (PIBM). Mungkinkah ada lagi parti baharu yang akan muncul atau sebaliknya ada parti politik yang akan dibubarkan?

Sementara ada parti politik yang tewas dalam PRU lalu dalam keadaan 'berkecamuk' disebabkan kejutan yang berlaku, sudah tentu parti baharu yang pertama kali menyertai PRU dan menang seperti Bersatu dan Amanah akan melebarkan sayapnya atau memperkukuhkan kekuatan keahlian. Bersatu dan Amanah amat bertuah kerana dalam usia yang muda mempunyai kedudukan dalam kerajaan walaupun jumlah kerusi yang dimenangi tidak besar. Kemenangan dua parti itu bagi membantu DAP dan PKR membentuk kerajaan merupakan peluang keemasan yang mampu menarik penyertaan anggota baharu. Lebih-lebih lagi adanya barisan menteri Kabinet.

Amanah, serpihan Pas yang mempunyai 100,000 ahli mahu menambah keahlian sehingga 500,000 orang menjelang PRU akan datang. Bersatu yang baharu setahun jagung sudah tentu akan berusaha menambah keahliannya bagi memperkukuhkan kedudukan sebelum Dr. Mahathir Mohamad mengakhiri tugas sebagai Perdana Menteri. Bersatu juga mahu dilihat sebagai wadah politik pilihan orang Melayu dan Bumiputera. Dalam hal ini, tidak hairanlah, timbul pelbagai spekulasi bahawa ramai

anggota UMNO termasuk dalam kalangan ahli Parlimen mahu menyertai Bersatu. Bagaimanapun harus diingat, sudah ada kenyataan yang mahu Bersatu berhati-hati 'mengutip' mereka ini malahan ada yang menentang. Adakah menjelang PAU yang pertama selepas PRU-14, akan muncul nama-nama baharu yang akan meninggalkan UMNO? Tunggu dan lihat.

Eloklah UMNO fokus kepada PAU yang dijangka dihadiri hampir 6,000 perwakilan pada 29 dan 30 September ini. Perhimpunan bersejarah ini tidak boleh menampakkan kelesuan parti. Tidak perlu semeriah dahulu kerana UMNO bukan lagi sebuah kerajaan yang mahu membincangkan pelbagai dasar untuk dilaksanakan. Suasana dijangka hambar apabila tidak banyak ruang pameran atau jualan seperti dahulu. Sokongan media terutama milik kerajaan seperti RTM dan Bernama akan merosot. Nada mereka akan berbeza. Itulah realitinya. Tidak banyak media yang 'berkampung' di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Bagaimanapun, biarlah PAU kali ini sekurang-kurangnya menyamai 'kemeriahan' Mukhtar Pas pada minggu lalu. Jika Pas memenangi dua negeri iaitu Kelantan dan Terengganu, UMNO atau Barisan Nasional (BN) juga masih ada Pahang dan Perlis. Membawa slogan *UMNO Sebuah Perjuangan*, ramai yang ingin melihat sejauh mana semangat perwakilan untuk membantu UMNO bangkit semula. Masa untuk 'bercakap kosong' diselang-seli pantun dan seloka sudah berlalu. PAU perlu fokus untuk mempertahankan parti atau membiarkannya 'ditelan' parti lain. Lupakan lima anggota Parlimen yang sudah meninggalkan parti itu. Tidak guna menangisi permegian mereka yang sanggup meninggalkan sebuah keluarga besar yang sedang dalam kesusahan dan kedukaan. Mereka ada alasan tersendiri untuk 'menghalalkan' tindakan yang diambil. Persepsi



KERATAN
Utusan Malaysia
ruangan Selak
25 Jun dan
2 Julai 2018.

ramai, ada tawar menawar untuk melompat, mempunyai kepentingan perniagaan dan mahu 'menyelamatkan diri'. Jika benar alasan itu mendorong mereka berhijrah, sudah tentu mereka 'tidak mampu' mengosongkan kerusi yang dimenangi atas tiket BN.

Kos PRK juga amat besar. Lebih baik wang itu digunakan untuk membangunkan kawasan Parlimen berkenaan. Tidak ada undang-undang yang boleh menghalang mereka melompat parti. Mereka tidak wajib mengosongkan kerusi walaupun dari segi moralnya, mereka perlu berbuat demikian kerana kemenangan adalah atas tiket BN @ UMNO. Justeru apabila melangkah keluar janganlah terlalu ghairah memberi pelbagai alasan yang menampakkan keburukan parti. Ingatlah, kekalahan dan kemenangan semasa PRU-14 bukan semata-mata disebabkan parti tetapi mereka yang ada di dalam parti.

Selak pernah menulis mengenai isu ini di bawah tajuk *Biarkanlah mereka pergi membawa diri* dan *Mana mungkin 9 Mei tersungkur, 9 Julai bangkit*. Musibah yang berlaku sedikit sebanyak melibatkan peranan anggota parti itu termasuk yang sudah mengucapkan selamat tinggal. Sempena PAU, lihat semula peranan masing-masing. Jangan cepat menuding jari dan mencipta pelbagai alasan. Lumrah politik, ketika di kemuncak, tidak ada siapa yang sanggup meninggalkan parti selepas menang. Ketika diulit keselesaan, tidak ada yang sanggup menanggung risiko dipecat sekiranya suara merekaumbang menengur kepemimpinan parti.

Akhirnya apabila tersungkur, tidak ramai yang mempunyai kekuatan atau daya tahan untuk bangkit semula. Ibarat ketika berada di atas bahtera yang sedang bocor atau hilang arah pelayaran, ada yang sanggup terjun ke laut dan membiarkan kapal itu tenggelam. Dalam situasi cemas, mereka ini lebih senang mengabaikan kepakaran yang ada bagi menyelamatkan bahtera itu.